

HUBUNGAN ANTARA SOKONGAN SOSIAL DENGAN STRES DALAM KALANGAN ANAK YATIM

Balqis Syawaluddin*

Fakulti Sains Sosial, Universiti Melaka,
Batu 28, Kuala Sungai Baru, 78200 Melaka, Malaysia

Syazwana Aziz

Fakulti Sains Sosial, Universiti Melaka,
Batu 28, Kuala Sungai Baru, 78200 Melaka, Malaysia

**Corresponding Author's Email: balqisyawal0@gmail.com*

Article history:

Received : 4 Mei 2023

Accepted : 22 Jun 2023

Published : 29 September 2023

ABSTRAK

Isu kesihatan mental dalam kalangan remaja perlulah diambil serius oleh semua pihak kerana melalui sokongan sosial yang baik dapat membantu remaja terhindar daripada masalah kesihatan mental. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menyatakan 20 peratus kanak-kanak di seluruh dunia mengalami masalah kesihatan mental yang kebanyakannya tidak dikesan dan tidak menerima rawatan. Kajian ini untuk mengkaji hubungan antara sokongan sosial dan stres dalam kalangan anak yatim di Kompleks Anak Yatim Fatimah Al - Zaharah, Bukit Katil, Melaka. Set soal selidik yang terdiri daripada tiga bahagian merangkumi maklumat demografi responden, soal selidik *Inventory Of Socially Supportive Behaviours (ISSB)* bagi mengukur sokongan sosial dan soal selidik *Perceived Stress Scale- 10 (PSS-10)* bagi mengukur stres. Kaedah persampelan rawak mudah telah dipilih dalam menjalankan kajian ini. Kesemua data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)* versi 25. Saiz sampel yang diambil bagi reka bentuk tinjauan adalah seramai 68 responden. Hasil kajian mendapati terdapat hubungan antara sokongan sosial dan stres dalam kalangan anak yatim di Kompleks Anak Yatim Fatimah Al - Zaharah. Oleh itu, kajian akan datang boleh melakukan penambahbaikan seperti menambah bilangan sampel dan meluaskan populasi kajian agar dapat digeneralisasikan kepada keseluruhan anak yatim di rumah anak yatim. Seterusnya, menambah kaedah kualitatif seperti menambah instrumen pemerhatian dan temu bual ke atas anak yatim bagi mendapat maklumat yang lebih terperinci daripada responden. Kesimpulannya, dengan penghasilan kajian ini, ia dapat membantu pihak pengurusan khususnya di Kompleks Anak Yatim Fatimah Al - Zaharah dalam mengenal pasti tahap stres anak yatim serta sokongan sosial dalam kehidupan seharian responden.

Kata kunci: Sokongan Sosial; Stres; Anak Yatim

THE RELATIONSHIP BETWEEN SOCIAL SUPPORT AND STRESS AMONG ORPHANS

ABSTRACT

Mental health issues among teenagers must be taken seriously by all parties because through good social support can help teenagers avoid mental health problems. The World Health Organization (WHO) states that 20 percent of children worldwide suffer from mental health problems, many of which go undiagnosed and untreated. This study was conducted to examine the relationship between social support and stress among orphans at the Fatimah Al-Zaharah Orphanage Complex, Bukit Katil, Melaka. The set of questionnaires consisting of three parts includes the respondent's demographic information, the Inventory of Socially Supportive Behaviors (ISSB) questionnaire to measure social support and the Perceived Stress Scale-10 (PSS-10) questionnaire to measure stress. A simple random sampling method was chosen in conducting this study. All the data obtained was analyzed using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) software version 25. The sample size taken for the survey design is 68 respondents. The results of the study found that there is no relationship between social support and stress among orphans at the Fatimah Al-Zaharah Orphanage Complex. Therefore, future studies can make improvements such as increasing the number of samples and expanding the study population so that it can be generalized to all orphans in orphanages. Next, add qualitative methods such as adding observation instruments and interviews on orphans to get more detailed information from respondents. In conclusion, with the production of this study, it can help the management especially at the Fatimah Al-Zaharah Orphanage Complex in identifying the level of stress of orphans as well as social support in the daily life of respondents.

Keywords: Social Support; Stress; Orphans

PENGENALAN

Anak yatim adalah anak yang kematian bapa atau kedua-dua ibu bapa (Awang, Sayuti, Jamaluddin, & Chong, 2004; Zhao et al., 2009; The Faith to Action Initiative, 2014; UNICEF, 2015; Bani Ismail et al., 2018). Kanak-kanak yang kematian salah seorang ibu atau bapa diklasifikasikan sebagai '*single orphans*' atau anak yatim; manakala kanak-kanak yang kematian kedua-dua ibu bapa diklasifikasikan sebagai '*double orphans*' atau anak yatim piatu (The Faith to Action Initiative, 2014; Monasch & Boerma, 2004). Anak-anak yatim turut mempunyai perasaan untuk mendapatkan sokongan sosial dalam menjalani kehidupan. Sokongan merupakan satu semangat yang diperolehi daripada ahli keluarga, sahabat jiran terdekat dan orang sekeliling. Sokongan sosial merujuk kepada kekuatan yang diberikan untuk kita menghadapi sesuatu perkara. Mereka yang memberikan sokongan sosial biasanya mempunyai hubungan yang rapat dan akrab antara satu sama lain dengan individu tersebut. Sokongan sosial ini merupakan

jenis sokongan bagi membantu dan mengubah seseorang individu ke arah yang lebih baik agar mereka mampu berkongsi pendapat dan pemikiran tanpa rasa malu dan risau akan terbongkar semua perkara yang diceritakan oleh mereka. Sokongan sosial didefinisikan sebagai wujudnya orang-orang yang memberi tahu individu lain bahawa mereka mengambil berat, menghargai dan menyayangnya (Sarason, Levine & Basham, 1983).

Realitinya sokongan sosial membantu individu menghadapi masalah kesihatan dengan lebih baik, meningkatkan semangat kekitaan, matlamat dan harga diri dan merangsang kesihatan mental yang positif. Malah sokongan sosial juga boleh membantu mengatasi masalah-masalah asas yang mendorong kepada gangguan kesihatan mental seseorang individu. Sokongan sosial juga didefinisikan sebagai wujudnya individu yang memberitahu individu lain bahawasanya mereka mengambil berat, menghargai dan menyayangnya (Nurul Hudani, 2017). Sokongan sosial yang diperoleh akan dapat membantu individu mengatasi keadaan yang penuh tekanan (Hamzah & Marhamah, 2015). Sokongan sosial yang lemah telah dikaitkan dengan kemurungan dan kesepian telah ditunjukkan untuk meningkatkan risiko kemurungan, bunuh diri, penggunaan alkohol, penyakit kardiovaskular, dan fungsi otak yang diubah.

Selain itu, Tanner (1977), beliau melihat stres dari sudut pandangan yang negatif. Menurut Tanner, stres akan menyebabkan seseorang itu menjadi tidak stabil kerana memerlukan pemerhatian khusus. Seseorang yang mengalami stres yang melampau boleh mengambil tindakan yang membahayakan dirinya atau orang-orang di sekelilingnya. Oleh itu, golongan ini memerlukan bantuan dan sokongan daripada keluarga dan rakan-rakan untuk mengurangkan stres yang dialami. Manakala, Vanden Bos (2015) dalam APA (American Psychological Association) Dictionary of Psychology, pula telah menyatakan bahawa stres merupakan suatu rangsangan yang keterlaluan terhadap emosi sehingga mengganggu keseimbangan pemikiran. Stres adalah tindak balas emosi yang buruk kerana perubahan yang berlaku dari dalaman atau luaran.

Menurut McShane dan Von Glinow (2000), stres adalah tindak balas adaptif terhadap situasi yang dianggap sebagai cabaran atau ancaman terhadap kesihatan seseorang. Tindak balas adaptif seseorang dapat dilihat dari reaksi psikologi (emosi) dan fizikal (fisiologi). Kajian Darmawan (2019) mengatakan bahawa stres dapat ditakrifkan sebagai suatu keadaan dinamik dimana seseorang individu berhadapan dengan suatu peluang iaitu kekangan (constrain), tuntutan (demand) atau sumber daya yang berkaitan dengan apa juga kemahuannya dan hasilnya dipersepsikan sebagai suatu yang tidak pasti dan tidak penting.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif bagi kajian ini, iaitu:

- i. Mengkaji hubungan antara sokongan sosial dengan stres dalam kalangan anak yatim

HIPOTESIS KAJIAN

Hipotesis bagi kajian ini, iaitu:

- i. Terdapat hubungan antara sokongan sosial dengan stres dalam kalangan anak yatim.

SOROTAN KAJIAN

Beberapa pengkaji lepas yang melakukan kajian berkaitan dengan sokongan sosial dan masalah mental dalam kalangan anak remaja. Berdasarkan satu kajian Tan Swee Chen et al. (2013) menjalankan kajian tentang penghargaan sendiri remaja sekolah menengah di daerah Melaka Tengah dan hubungannya dengan sokongan sosial. Remaja sekolah pada tingkatan 2 (13-14 tahun) dipilih secara rawak dari 3 buah sekolah kerajaan di daerah Melaka Tengah. Alat kajian ini menggunakan borang soal selidik "*The Piers-Harris Children Self Concept Scale*" dan "*Social Support Questionnaire*". Seramai 242 orang responden terlibat dalam kajian ini iaitu 111 (45.9%) lelaki dan 131 (54.1%) perempuan. Terdapat hubungan yang signifikan di antara sokongan ibu bapa terhadap penghargaan sendiri remaja sekolah dengan ujian multivariate linear regresi ($p < 0.05$). Manakala sokongan guru, rakan dan rakan sebaya tidak menunjukkan hubungan yang signifikan dengan tahap penghargaan sendiri remaja. Kajian juga mendapati tidak terdapat perbezaan penghargaan sendiri remaja mengikut sosiodemografik seperti jantina, bangsa, status pekerjaan ibu bapa dan status penjaga (nilai $p > 0.05$). Kesimpulannya, peranan ibu bapa dalam memberi sokongan sosial kepada remaja sangat membantu dalam meningkatkan tahap penghargaan sendiri remaja. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti masalah kemurungan dalam kalangan penghuni rumah anak yatim.

Kajian ini dijalankan di tiga buah rumah anak yatim di daerah Kota Bharu, Kelantan. Rumah anak yatim yang terlibat ialah Rumah Anak Yatim Darul Aitam (Putera), Rumah Anak Yatim Darul Aitam (Puteri) dan Yayasan Kebajikan Anak-Anak Yatim Kelantan (Rumah Putera Dan Puteri Harapan). Bilangan responden yang terlibat adalah seramai 180 orang anak-anak yatim yang tinggal di rumah anak yatim tersebut. Kajian yang berbentuk deskriptif ini menggunakan borang Beck Depression Inventory (BDI) yang mengandungi 20 item sebagai instrumen kajian. Kebolehpercayaan item dalam borang soal selidik mencatatkan nilai Alfa Cronbach 0.731. Data diproses menggunakan perisian Statistical Package for Social Science Version 15 (SPSS V15). Dapatan menunjukkan tahap kemurungan secara keseluruhan dalam kalangan anak-anak yatim berada pada tahap ringan. Hasil dapatan juga menunjukkan terdapat perbezaan tahap kemurungan yang signifikan mengikut jantina ($p = 0.000 < ? = 0.05$). Selain itu, hasil analisis menunjukkan tidak terdapat perbezaan tahap kemurungan yang signifikan mengikut umur ($p = 0.349 > ? = 0.05$).

Selain itu, kajian menurut Rohany Nasir et al. (2016) adalah kajian berkaitan Hubungan antara kesunyian dan sokongan sosial terhadap kemurungan dalam kalangan wanita hamil tanpa nikah. Kehamilan tanpa nikah menunjukkan peratusan yang meningkat secara mendadak saban tahun. Hal ini perlu di ambil perhatian yang serius oleh pihak berwajib kerana mampu memberi kesan negatif dari segi

psikologi yang mana akhirnya boleh menjejaskan modal insan negara. Kajian ini bertujuan mengenal pasti faktor kemurungan, kesunyian dan sokongan sosial dalam kalangan wanita hamil tanpa nikah. Kajian menggunakan kaedah kuantitatif dengan mengedarkan soal selidik kepada responden. Seramai 215 orang wanita hamil tanpa nikah yang terlibat di seluruh Malaysia bagi kajian ini. Hasil kajian menunjukkan tahap kemurungan, kesunyian dan sokongan sosial responden berada pada tahap sederhana. Kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara kemurungan dan kesunyian ($r = .500$, $k < 0.05$), tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kemurungan dan sokongan sosial. Akan tetapi, terdapat hubungan yang negatif dan signifikan antara kesunyian dan sokongan sosial ($r = -.164$, $k < 0.05$). Hasil Ujian Regresi Linear menunjukkan faktor peramal bagi kemurungan adalah kesunyian ($R^2 = 26.6$, $F(2,212) = 37.549$, $k < 0.05$) yang meramal secara signifikan berbanding sokongan sosial ($\beta = .111$, $k > 0.05$). Hasil kajian mendapati individu yang kesunyian lebih cenderung untuk mengalami kemurungan dalam diri. Selain itu, individu yang mempunyai sokongan sosial yang kurang baik daripada keluarga, rakan-rakan dan juga sekeliling lebih cenderung untuk mengalami kesunyian yang lebih serius.

Selain itu, kajian yang seterusnya adalah daripada Nur Hannan et al. (2020) yang mengkaji Kemurungan dan Keamatan Sokongan Sosial dengan Kepuasan Hidup dalam kalangan Pelajar Universiti di Malaysia. Kajian ini bertujuan untuk menentukan perkaitan antara kemurungan dan keamatan sokongan sosial (keluarga, kawan, orang yang penting) dengan kepuasan hidup dalam kalangan pelajar universiti awam di Selangor, Malaysia. Terdapat 368 orang pelajar yang terlibat dalam kajian ini yang telah dipilih melalui teknik persampelan rawak mudah. Tiga alat pengukuran telah digunakan iaitu Beck Depression Inventory oleh Beck et al. (1961) untuk mengukur kemurungan, Multidimensional Scale of Perceived Social Support oleh Zimet et al. (1988) mengukur keamatan sokongan sosial (keluarga, kawan, orang yang penting) dan kepuasan hidup diukur dengan Satisfaction With Life Scale yang dibangunkan oleh Diener et al. (1985). Hasil kajian menunjukkan bahawa kemurungan mempunyai perkaitan signifikan negatif dengan kepuasan hidup ($r = -0.598$, $p = 0.000$). Selain itu, ketiga-tiga jenis keamatan sokongan sosial iaitu sokongan keluarga, sokongan kawan dan sokongan orang yang penting mempunyai perkaitan signifikan dengan kepuasan hidup ($r = 0.534$, $p = 0.000$), ($r = 0.399$, $p = 0.000$) dan ($r = 0.421$, $p = 0.000$) masing-masing. Tambahan lagi, hasil kajian menunjukkan bahawa tiada perbezaan signifikan antara faktor jantina dengan kepuasan hidup. Kesimpulannya, hasil kajian ini menjelaskan bahawa pentingnya hubungan sosial antara keluarga dan orang sekeliling supaya tidak cenderung ke arah kemurungan seterusnya meningkatkan kepuasan hidup.

Suriani dan Suraini (2005) dalam kajian mereka dalam kalangan 94 orang pelajar di Universiti Pendidikan Sultan Idris mendapati sumber stres akademik, pensyarah, peribadi dan universiti dialami oleh lebih 70 peratus hingga 91 peratus manakala sumber stres berkaitan aktiviti kokurikulum, rakan, keluarga dan ibu bapa dialami oleh lebih kurang 60 peratus hingga 70 peratus pelajar. Namun, didapati akademik merupakan punca stres yang utama terutamanya disebabkan terlalu banyak tugas, tidak cukup masa untuk mengulangkaji, mendapat markah yang lemah dalam ujian, sukar memahami subjek yang diajar, tidak dapat menjawab

soalan yang dikemukakan oleh pensyarah, menunggu keputusan peperiksaan dan tidak dapat memberi tumpuan dan perhatian kepada pelajaran.

Akhir sekali, terdapat kajian daripada Nor aimi Harun (2018) yang bertajuk Memahami Masalah Stres Dalam Kalangan Kanak-Kanak Pintar Cerdas Berbakat. Kajian yang dijalankan berbentuk kualitatif kajian kes Intrinsik. Subjek kajian adalah seorang kanak-kanak yang telah dikenal pasti sebagai kanak-kanak berbakat berdasarkan Ujian Pencapaian IQ, dan Senarai Semak Guru. Pengumpulan data adalah berdasarkan temu bual, rujukan dokumen dan pemerhatian di lokasi. Dapatan kajian menunjukkan masalah Kecelaruan Tekanan Stres Pascatraumatik (*Post Traumatic Stress Disorder-PTSD*) dan Masalah Mood (*Mood Disorders*) merupakan symptom stres. Dapatan juga menunjukkan faktor sendiri seperti gelaran 'gifted' merupakan penyumbang stres kepada kanak-kanak pintar cerdas berbakat. Hasil dapatan ini membolehkan langkah pro aktif dapat segera dilaksanakan bagi menangani masalah tersebut.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dilaksanakan ini adalah berbentuk pendekatan kauntitatif dengan menggunakan reka bentuk soal selidik sebagai instrumen pengumpulan data serta menggunakan teknik persampelan rawak mudah. Saiz sampel boleh dilihat berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan (1970). Kajian ini menggunakan seramai 68 orang anak yatim di Kompleks Anak Yatim Fatimah Al – Zaharah, Bukit Katil, Melaka. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package of Social Science (SPSS)* versi 25.

INSTRUMEN KAJIAN

Kajian ini mengandungi tiga bahagian iaitu Bahagian A merangkumi maklumat demografi responden. Seterusnya, bahagian B menggunakan borang soal selidik soal selidik *Inventory Of Socially Supportive Behaviours (ISSB)* yang mengandungi 20 item digunakan bagi mengukur sokongan sosial responden. Manakala, bahagian C adalah menggunakan soal selidik *Perceived Stress Scale-10 (PSS-10)* bagi mengukur stres responden.

Manakala, bagi soal selidik yang pertama iaitu soal selidik *Inventory of Socially Supportive Behaviour (ISSB)*, mengandungi 20 item dan ia dikemukakan oleh Barrera (1981) dengan penekanan terhadap sokongan sosial yang berada di sekeliling individu. Untuk mengukur sokongan sosial yang terdiri daripada sokongan emosi, sokongan maklumat, sokongan sosial dan perdamping sosial. Soalan- soalan adalah menguji tentang sokongan sosial yang diterima oleh warga emas dan mengandungi 20 item pembolehubah berasaskan lima skala likert 5 seperti 1 = sangat tidak setuju, 2 = tidak setuju, 3 = tidak pasti, 4 = setuju dan 5 = sangat setuju. Setiap jenis sokongan sosial mempunyai lima item iaitu sokongan emosional, sokongan maklumat, sokongan instrumental dan sokongan sosial. Pembahagian item positif dan negatif tidak dilakukan dalam soal selidik ini. Kajian ini dianalisis tanpa memperlihatkan sumbangan jenis sokongan sosial kepada seseorang (Barrera, Sandler dan Ramsay, 1981).

Seterusnya bahagian C terdapat soal selidik Perceived Stress Scale-10 (PSS-10) mengandungi 10 item dan ia dibangunkan oleh Cohen et al (1983) dan telah digunakan secara meluas untuk menilai tahap tekanan kepada golongan muda dan dewasa berumur 12 tahun ke atas. Bagi mengukur markah dan hasil yang didapati berdasarkan soal selidik ini adalah bagi soalan 4, 5, 7, 8, markah yang digunakana adalah perlu diterbalikkan iaitu dengan 0 = 4, 1 = 3, 2 = 2, 3 = 1, 4 = 0. Setelah itu, markah keseluruhan perlu ditambahkan dari setiap item yang ada. Seterusnya, markah individu berkisar antara 0 hingga 40 dengan markah yang lebih tinggi menunjukkan persepsi yang lebih tinggi tekanan. Skor yang ditetapkan adalah Skor antara 0-13 akan dianggap sebagai tekanan rendah, skor antara 14-26 akan dianggap sebagai tekanan sederhana dan skor antara 27-40 akan dianggap sebagai tekanan yang dirasakan tinggi. Skala tekanan yang diperhatikan adalah menarik dan penting kerana persepsi anda tentang apa yang berlaku dalam hidup anda adalah yang paling penting. Pertimbangan idea bahawa dua individu boleh mempunyai peristiwa dan pengalaman yang sama dalam kehidupan mereka selama sebulan yang lalu. Bergantung pada persepsi mereka, jumlah skor boleh meletakkan salah seorang daripada individu tersebut dalam kategori tekanan rendah dan jumlah skor boleh meletakkan orang kedua dalam kategori tekanan tinggi.

HASIL KAJIAN DAN DAPATAN KAJIAN

Hasil Analisis Deskriptif

Keputusan analisis deskriptif adalah berdasarkan kepada peritus dan taburan responden mengikut demografi iaitu umur yang terbahagi kepada tiga peringkat.

Jadual 1: Taburan Responden Kajian berdasarkan Umur

Umur	K	Peratus (%)
12 - 13 tahun	21	30.9
14 - 15 tahun	27	39.7
16 - 17 tahun	20	29.4
Jumlah	68	100

Jadual 1 menunjukkan kekerapan dan peratus responden kajian berdasarkan umur mereka. Responden yang terlibat di dalam kajian adalah berumur di antara 12 hingga 17 tahun iaitu seramai 68 orang responden. Bilangan responden yang berumur 12 – 13 tahun adalah seramai 21 orang responden (30.9%) diikuti dengan bilangan responden yang berumur 14 – 15 tahun iaitu seramai 27 orang responden (39.7%). Akhir sekali, responden yang berumur 16 – 17 tahun adalah seramai 20 orang responden (29.4%).

Hasil Analisis Inferensi

Pada bahagian ini, keputusan analisis statistik inferensi adalah berdasarkan kepada kaedah korelasi, dan ANOVA yang telah digunakan oleh pengkaji dalam menguji dua hipotesis yang telah dibina.

Jadual 2: Keputusan Korelasi antara Sokongan Sosial dengan Stres

	Item	Sokongan Sosial	Stres
Sokongan Sosial	Pearson Correlation	1	.687**
	Sig. (2-tailed)		0.000
	N	68	68

**Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Jadual 2 menunjukkan keputusan korelasi Pearson antara sokongan sosial dan stres dalam kalangan anak yatim di Kompleks Anak yatim Fatimah Al - Zaharah. Keputusan analisis menunjukkan bahawa nilai r adalah .687 dan nilai keberangkalian adalah .000 yang telah diuji pada aras keyakinan ($k > .05$). Maka nilai yang terhasil menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara sokongan dan stres dalam kalangan responden, [$r = .687$, $k < .05$]. Hubungan korelasi positif sederhana menunjukkan sokongan sosial yang tinggi menyebabkan stres meningkat dalam kalangan anak-anak yatim.

Hasil kajian ini disokong dengan kajian yang dijalankan oleh Jamaludin Ramli (2010) untuk mengenal pasti masalah kemurungan dalam kalangan penghuni rumah anak yatim. Dapatan menunjukkan tahap kemurungan secara keseluruhan dalam kalangan anak-anak yatim berada pada tahap ringan. Walau bagaimanapun, dapatan ini dilihat tidak selari dengan hasil kajian Zarinah Arshat et al. (2018), analisis tersebut menyatakan bahawa sokongan sosial didapati tidak mempunyai perkaitan yang signifikan dengan kesejahteraan psikologi remaja (stres). Dapatan ini diperoleh disebabkan remaja tersebut yang tinggal diluar bandar kebanyakannya tinggal bersama ahli keluarga dan berada di dalam masyarakat yang setempat. Selain itu, pengkaji juga hanya menjalankan kajian di negeri Sabah sahaja. Skop kajian adalah sangat kecil kerana hanya memfokuskan kepada satu negeri sahaja. Maka sekiranya sebaliknya, ia akan dapat membantu memberi keputusan yang lebih relevan untuk digunakan.

Hasil kajian ini mendapati stres adalah satu perkara yang dipandang negatif. Namun, sebenarnya stres boleh dilihat dari dua persepsi iaitu positif (*eustress*) dan negatif (*distress*). Antara faktor-faktor yang berpotensi menjadi sumber tekanan secara amnya dapat dikelaskan kepada faktor dalaman (individu yang bersangkutan) dan faktor luaran (lingkungan rumah, sosial) Faktor individu juga adalah merupakan sumber dari dalam diri individu itu sendiri yang turut menyumbang kepada wujudnya stres yang boleh digolongkan kepada dua faktor iaitu demografi dan peribadi.

Disamping itu, faktor utama anak-anak yatim ditempatkan di rumah anak yatim adalah kerana keluarga kurang berkemampuan untuk menampung persekolahan anak-anak mereka. Selain itu anak-anak yatim ini kematian bapa, menyebabkan ibu mereka tiada tempat bergantung dan terpaksa mencari kerja untuk menampung anak-anak. Disebabkan tiada penjaga sewaktu ibu keluar bekerja menyebabkan ibu tunggal memohon untuk menempatkan anak-anak di asrama ini oleh Nurul Farhana (2013). Maka, dengan latar belakang keluarga yang berbeza juga memberi kesan kepada hasil kajian yang dijalankan.

CADANGAN KAJIAN

Penyelidik mencadangkan supaya pihak pentadbiran dan pengurusan rumah anak yatim ini memberikan lebih perhatian terutamanya kepada anak-anak yatim yang umurnya sangat muda tetapi telah diajar hidup berdikari di asrama. Oleh yang demikian, adanya seorang kaunselor yang bertauliah adalah sangat diperlukan kerana setidak-tidaknya anak-anak yatim ini mempunyai arah tuju yang betul untuk mengadu sebarang masalah atau untuk meminta sebarang pendapat. Walaupun mereka telah menghantar anak-anak yatim ini ke rumah anak yatim, namun penjaga tidak boleh lepas tangan begitu sahaja. Sebolehnya mereka perlu juga dijenguk dan sentiasa bertanya khabar.

Kajian akan datang boleh melakukan penambahbaikan seperti menambah bilangan sampel dan meluaskan populasi kajian agar dapat digeneralisasikan kepada kesuluruhan anak yatim di rumah anak yatim. Seterusnya, menambah kaedah kualitatif seperti menambah instrumen pemerhatian dan temu bual ke atas anak yatim bagi mendapat maklumat yang lebih terperinci daripada responden. Akhir sekali, pengkaji dalam kajian akan datang boleh menghasilkan satu hipotesis antara stres dengan jantung responden yang mana pengkaji berkemungkinan dapat melihat hasil kajian sekiranya terdapat hubungan antara stres dengan jantung responden.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji hubungan antara sokongan sosial dengan stres dalam kalangan anak yatim di Kompleks Anak Yatim Fatimah Al – Zaharah, Bukit Katil, Melaka. Hasil analisis keputusan kajian yang merangkumi statistik deskriptif dan juga inferensi telah dibincangkan secara terperinci dan menyeluruh berdasarkan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk kajian. Dapatan kajian yang diperoleh juga menunjukkan sokongan sosial tidak mempunyai hubungan dengan stres dalam kalangan anak yatim. Manakala, dapatan hasil yang menunjukkan tidak terdapat perbezaan stres berdasarkan umur dalam kalangan anak-anak yatim. Kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat secara keseluruhan kepada anak yatim, pihak pengurusan dan juga para pengkaji pada masa akan datang.

RUJUKAN

- Awang, A., Sayuti, R., Jamaluddin, Z., & Chong, C. C. (2004). Simposium Kebangsaan Kebajikan Kanak-Kanak 2004. Kepentingan Terbaik kanak-kanak: Isu & Cabaran. *Permasalahan Anak Yatim Di Institusi Kebajikan Anak Yatim*.
- Arshat, Z., & Japara, R. (2018). Penglibatan Ibu Bapa, Sokongan Sosial dan Kesejahteraan Psikologi Remaja. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, vol. 3 (12), pp. 37-45.
- Darmawan, D. (2019). Peranan Motivasi Dan Kompetensi: Analisis Kinerja Pegawai Pemerintahan Daerah Kabupaten Paser. *At-Tadbir: Jurnal Ilmiah*, vol. 3(2), pp. 122-131.
- Diyana Rose Kamalludden. (2009). *Kemurungan Beri Kesan Kehidupan Remaja*. Utusan Malaysia; 27 Januari 2009.
- Hamzah, Hazalifah & Marhamah, Fauzah. (2015). Social Support, Adjustment And Academic Stress Among First Year Students In Syiah Kuala University.
- Ismail, Z. and Lokman, N. H. (2020) "Kemurungan dan Keamatan Sokongan Sosial dengan Kepuasan Hidup dalam kalangan Pelajar Universiti di Malaysia", *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, vol. 5(6), pp. 68 - 78.
- Jamaludin Ramli (2010). *Kemurungan Dalam Kalangan Penghuni Rumah Anak Yatim Di Daerah Kota Bharu, Kelantan*.
- McShane, S.L., & Von Glinow, M.A. (2000). *Organizational Behavior: Emerging realities for the workplace revolution*. USA: McGraw-Hill Higher Education.
- Nurul Hudani Md Nawawi, M. F. (2017). Hubungan Antara Sokongan Sosial dengan Kemurungan dalam Kalangan Penagih Dadah. *Jurnal Pembangunan Sosial*, vol. 20, pp. 29-49.
- Sarason, Levine & Basham. (1983). Assessing social support: The social support questionnaire. *Journal of Personality and Social Psychology*, vol. 44 (1), pp. 127-139
- Tanner, O. (1977). *Stress*. Nederland: Time Life International.
- The Faith to Action Initiative. (2014). *Children, Orphanages, And Families: A Summary Of Research To Help Guide Faith-Based Action*. Dipetikdaripada http://www.faithtoaction.org/wpcontent/uploads/2014/03/Faith2Action_Research
- Vanden Bos, G. R. (2015). *Dictionary of Psychology*. Washington: American Psychological Association